



TAHAP DAN FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGUASAAN JAWI DIKALANGAN MURID TAHUN ENAM DI SEKOLAH KEBANGSAAN SERI DUYONG

Saiful Bahari Bin Abdul Rahman & Mazlan Bin Ibrahim
Pusat Akidah Dan Keamanan Global
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Email: sfldyn@gmail.com , mazib@ukm.edu.my

Abstrak- Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauh mana tahap serta faktor yang mempengaruhi penguasaan jawi di kalangan murid tahun enam berikutan daripada kemerosotan pencapaian jawi di dalam mata pelajaran pendidikan Islam antaranya ujian penguasaan Jawi dari segi menulis, mengeja, soalan aneka pilihan, dan menulis ayat al-Quran. Sehubungan dengan itu, objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap penguasaan jawi, faktor penguasaan jawi di kalangan, dan mengenalpasti perbezaan antara jantina dengan faktor penguasaan jawi. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif survey dan sampel kajian yang terpilih adalah seramai 72 orang murid dari Sekolah Kebangsaan Seri Duyong Melaka. Instrumentasi kajian yang digunakan adalah dengan menggunakan borang soal selidik. Data yang diperolehi dalam bentuk kuantitatif ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi (t-test) bagi menguji null hipotesis (H_0) kajian. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina murid dengan faktor penguasaan jawi. Secara kesimpulan, kajian ini berhasrat untuk mengangkat sistem pendidikan dalam memartabatkan jawi di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah.

Kata kunci : penguasaan, kemerosotan, faktor, sistem pendidikan

I. Pendahuluan

Tulisan jawi adalah satu seni penulisan yang telah wujud berabad-abad lamanya di Nusantara. Kemunculannya berkait rapat dengan kedatangan agama Islam ke Nusantara. Tulisan jawi berasal dari tulisan Arab dan merupakan huruf-huruf Arab yang dimasukkan ke dalam sistem penulisan bahasa Melayu. Tulisan jawi juga merupakan satu jenis tulisan yang mempunyai hubungan yang erat dengan perkembangan Agama Islam di Malaysia. Tulisan jawi adalah antara tulisan yang terawal yang pernah ditemui. Tulisan ini telah berkembang sejak zaman Kerajaan Islam Pasai kemudian ke zaman Kerajaan Melaka, zaman Kerajaan Johor dan juga Aceh pada abad ke-17. Bukti kewujudan tulisan ini di Malaysia adalah dengan terjumpanya Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 702H atau 1303M manakala tulisan rumi yang paling awal ditemui adalah pada akhir kurun ke-19. Ini menunjukkan tulisan jawi telah sampai ke negara ini lebih awal berbanding tulisan rumi. Tulisan jawi merupakan tulisan rasmi bagi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu semasa penguasaan British. Sehubungan dengan itu, mata pelajaran jawi perlu diajar dengan menggunakan kaedah dan teknik yang berkesan supaya murid dapat menguasai setiap kemahiran dalam matapelajaran ini. Semua murid tahun lima iaitu kumpulan sasaran telah didedahkan dengan tulisan jawi iaitu semasa mereka berada di tahun satu hingga tahun empat.

Mata pelajaran jawi merupakan satu aspek yang ditekankan melalui Kurikulum Pendidikan Islam. Aspek asas jawi membolehkan murid mengecam dan membunyikan huruf Jawi iaitu pergerakan mata dan tangan mengikut bentuk huruf, membentuk huruf jawi serta membaca sukukata dan perkataan mudah. Melalui tulisan jawi juga penerapan nilai-nilai Islam dapat diperteguhkan. Hal ini adalah disebabkan tulisan jawi merupakan pendekatan yang paling baik dalam usaha menerapkan nilai-nilai Islam kepada murid-murid dan masyarakat selaras dengan cita-cita 'Falsafah Pendidikan Kebangsaan'. Tulisan jawi harus dipertahankan dan dituntut kerana ia merupakan warisan bangsa yang perlu dikuasai dan mesti dikekalkan hingga ke akhir zaman. Namun kebelakangan ini, apa yang agak merisaukan kita bahawa apa yang kita lihat penguasaan dan minat masyarakat terhadap tulisan jawi semakin berkurangan. Tiada lagi surat khabar dalam tulisan jawi yang ada hanya sisipan yang dicetak satu minggu sekali sahaja. Bagi mata pelajaran Pendidikan Islam juga menggunakan tulisan rumi sebagai tulisan rasmi dan menyebabkan tulisan jawi dipinggirkan, kerana soalan-soalan yang dicetak juga menggunakan tulisan rumi. Namun begitu, pihak yang bertanggungjawab tidak ingin melihat tulisan jawi ini hanya tinggal nama menyebabkan tulisan jawi telah diberi nafas baru oleh kerajaan bermula dari pemerintahan Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi yang mula memperkenalkan program j-QAF di setiap sekolah-sekolah rendah bertujuan bagi memantapkan lagi tulisan jawi, al-Quran dan fardhu ain. Dalam program j-QAF ini murid-murid yang lemah dalam penguasaan jawi akan dibimbing dalam kumpulan kecil. Buku-buku teks Pendidikan Islam dan Jawi juga dalam tulisan jawi dan yang terkini penggunaan tulisan jawi sepenuhnya dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi kedua-dua mata pelajaran ini.

II. Pernyataan Masalah

Sejarah pendidikan di Malaysia menunjukkan bahawa Pendidikan Islam diajar melalui pelbagai cara dengan menggunakan buku-buku atau teks yang ditulis dalam tulisan Jawi. Tulisan Jawi ialah hasil daripada pengubahsuaian dan penambahan huruf-huruf Arab untuk disesuaikan dengan lidah orang Melayu bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, huruf Ga(ك) diperkenalkan dengan berasaskan bunyi huruf Kaf (ك) dan Jim (ج) serta Cha (چ) berasaskan bunyi huruf Ta (ت) dan Jim (ج) (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1990). Oleh itu, tulisan Jawi merupakan medium asas untuk pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Malaysia pada hari ini terutama dalam pembelajaran al-Qur'an (Kang Kyoung Seouk, 1990). Matlamat pelajaran Jawi adalah untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran menulis dan membaca Jawi bagi membolehkan pelajar memahami pelbagai bidang ilmu dalam Pendidikan Islam. Pengajaran jawi adalah salah satu daripada bidang di dalam Pendidikan Islam dan terdapat banyak kaedah serta teknik yang perlu digunakan dari semasa ke semasa mengikut tahap kemahiran murid. Namun begitu, hal ini sukar bagi murid yang lemah dalam pelajaran jawi kerana mereka hanya diperuntukkan masa belajar dan berlatih mempraktikkan kemahiran menulis jawi yang hanya dipelajari pada waktu persekolahan sedia ada atau yang belajar pada masa tambahan di sekolah agama petang mereka. Selain daripada itu peruntukan masa untuk pemulihan jawi hanya 30 minit seminggu tidak mencukupi kerana pelajaran jawi memerlukan mereka diberi latihan yang banyak terutama dari segi penulisan.

Menurut pendapat Mohammad Amin Dan, 2009 beliau menyatakan bahawa kelemahan murid-murid sekolah rendah dalam kemahiran menulis huruf bersambung amat ketara sekali sehingga mereka gagal dalam menjawab soalan-soalan yang menggunakan tulisan jawi. Maka guru-guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah sewajarnya mengatasi faktor yang mempengaruhinya, mengenalpasti masalah dalam menulis jawi dan mengambil beberapa langkah yang dikirakan perlu untuk menanam minat murid menulis jawi. Manakala, menurut Norhawati Salimuddin (2000) dalam kajian Shazana Muhamed Sa'ad (2009) menyatakan menguasai kemahiran menulis termasuk tulisan jawi bukanlah semudah seperti kemahiran bahasa yang lain. Ia memerlukan keupayaan kognitif dan psikomotor, perkembangan dan kecekapan deria motor yang sempurna untuk membentuk dan menghasilkan bentuk-bentuk huruf di samping memerlukan koordinasi mata dan otak. Ini kerana tulisan jawi merupakan suatu hasil kraf dan seni yang mesti diajar dengan cara dan teknik yang betul sejak awal lagi. Oleh itu, kemahiran menulis jawi pastinya memerlukan latihan dan bimbingan bagi melahirkan murid yang mampu dan berupaya menghasilkan tulisan dengan bentuk yang sempurna dengan menggunakan deria dan mental. Seperti yang kita sedia maklum bahawa kemerosotan penguasaan jawi, al- Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain diperingkat remaja amat ketara sekali. Masalah ini harus dikaji dalam usaha mencari persepsi pelajar terhadap program j-QAF yang telah diperkenalkan oleh KPM pada tahun 2005. Di sini, penyelidik berminat untuk mengkaji penguasaan murid-murid dalam kemahiran menulis jawi dan faktor yang mempengaruhinya. Usaha untuk melahirkan murid yang berupaya menghasilkan tulisan dengan bentuk yang sempurna ini tidak dapat diteruskan jika murid yang difokuskan dalam kajian ini iaitu di Sekolah Kebangsaan Seri Duyung mengalami masalah menguasai kemahiran membaca dan menulis jawi. Murid-murid Tahun enam menunjukkan mereka berhadapan masalah tidak mahir untuk menulis jawi dan lemah dalam menyambung huruf-huruf tunggal jawi sewaktu mengajar tajuk perkataan pinjaman Bahasa Inggeris Secara khusus, adapun objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap penguasaan murid-murid terhadap pembelajaran jawi, mengenalpasti faktor yang mempengaruhi penguasaan jawi di kalangan murid-murid. Dan Mengenalpasti perbezaan yang signifikan antara jantina dengan penguasaan jawi.

III. Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan suatu kajian yang menggunakan kaedah persampelan secara bertujuan (*purposive* atau *purposeful sampling*). Kaedah persampelan secara bertujuan ini adalah bukan merupakan sampel rawak di mana ia melibatkan sampel yang khusus yang diambil untuk tujuan kajian tersebut (Hamed Z., 2000). kaedah persampelan secara bertujuan dipilih kerana sesuai untuk ditadbir ke atas sampel dalam masa yang terhad. Reka bentuk kajian ini menggunakan instrumen soal selidik sebagai alat kajian bertujuan untuk memperoleh data dalam bentuk ukuran kuantitatif. Lokasi kajian untuk mendapatkan responden bagi kajian ini adalah di Sekolah Kebangsaan Seri Duyong (SKSD). Populasi yang dipilih dalam kajian ini melibatkan murid-murid tahun enam. Seramai 72 orang murid telah dikenalpasti untuk dijadikan responden bagi kajian ini. Untuk menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Borang soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan respons daripada murid tahun enam berkenaan kajian ini. Soalan-soalan yang disediakan di dalam borang soal selidik disusun mengikut persoalan kajian agar dapat memudahkan. Pengkaji semasa proses pengumpulan dan penganalisan data. Penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran maklum balas yang diberikan oleh sampel kerana ianya tidak dipengaruhi oleh pengkaji. Menurut Wiersma M. W., (1995), banyak data daripada responden yang boleh diperolehi dalam satu jangka masa yang singkat dan jawapan yang diperolehi adalah lebih konsisten dengan menggunakan instrumen soal selidik berbanding dengan kaedah-kaedah lain.

Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik dalam kajian ini. Secara umumnya, instrumen soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A, B, dan C. Bahagian A merupakan bahagian demografi di mana terdiri daripada enam soalan yang berbentuk pilihan jawapan. Soalan berbentuk pilihan jawapan di kemukakan pada bahagian ini kerana jawapan-jawapan bagi soalan-soalan ini boleh dijangka dan terhad. Soalan-soalan pada bahagian ini bertanyakan tentang jantina, pekerjaan ibu, pekerjaan bapa dan sebagainya. Bahagian B pula merupakan bahagian yang lebih berhubung kait dengan penilaian yang di kaji penyelidik. Pada bahagian ini responden menjalankan ujian untuk melihat tahap penguasaan jawi ke atas murid-murid. Seterusnya bahagian C penyelidik bertanyakan tentang faktor murid dapat menguasai jawi di kalangan murid tahun enam.

IV. Hasil Kajian

Dapatan kajian menunjukkan penguasaan pelajar tahun enam dalam ujian yang telah dilaksanakan kemahiran Jawi bagi menjawab persoalan kajian yang pertama. Terdapat 10 soalan bahagian C di dalam borang soal selidik. Soalan-soalan dalam bahagian ini merangkumi soalan cerai perkataan, sambung huruf, merumikan, menjawab, kata hubung, imbuan, susun perkataan, kata pinjaman Bahasa Arab, khat dan petikan. Pengkaji menganalisis data dengan menggunakan kaedah deskriptif(peratus) bagi menentukan tahap penguasaan jawi dalam kalangan murid tahun enam Sekolah Kebangsaan Seri Duyong(SKSD). Berdasarkan analisis, pengkaji dapat mengenalpasti tahap penguasaan jawi dalam kalangan murid tahun enam Sekolah Kebangsaan Seri Duyong(SKSD). Merujuk kepada dapatan kajian didapati murid-murid yang mendapat gred A sebanyak 32 orang(44.4%), gred B sebanyak 18 orang(25%), gred C sebanyak 8 orang(11.1%) dan gred D sebanyak 14 orang(19.4%). Hasil dapatan bagi menjawab persoalan kajian yang pertama daripada soal selidik yang diberi kepada responden bagi menilai tahap penguasaan jawi dalam kalangan murid-murid tahun enam mendapati jumlah peratus murid menguasai sebanyak 69.4%. Manakala gred peratus daripada Jabatan Pendidikan Negeri Melaka(JPN) mendapati peratus murid menguasai sebanyak 94.5%.

Maka dengan ini jelas menunjukkan perbezaan yang ketara antara tahap penguasaan murid yang didapati daripada JPN dengan hasil dapatan kajian yang telah dibuat. Jika dinilai tahap penguasaan jawi daripada JPN, sebanyak 94.5% murid dapat menguasai jawi adalah jumlah peratus yang sangat tinggi dan seolah-olah tiada langsung murid yang gagal. Sedangkan keputusan markah yang biasa didapati daripada guru-guru adanya pelajar yang lemah atau gagal. Penyelidik berpendapat bahawa banyak faktor yang memungkinkan guru terpaksa melepaskan syarat kelulusan yang diberi oleh pihak JPN. Antaranya mungkin dengan faktor bebanan kerja yang banyak, stress, pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkesan dan sebagainya. Adalah atas tanggungjawab seorang guru berusaha sedaya upaya untuk meningkatkan prestasi dan kecemerlangan murid-murid dalam mengejar target atau sasaran yang diberi oleh pihak JPN kepada sekolah. Menurut Tan dan Sabeha(1998), untuk mencapai objektif pengajaran atau meningkatkan keberkesanan pengajaran, para pendidik haruslah “teach smart” di samping “work hard”. Contohnya peranan guru itu sendiri, seseorang guru seharusnya menumpukan perannya sebagai seorang perancang, inisiator dan fasilitator. Oleh itu, para pendidik perlu sentiasa menginovasikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Banyak inisiatif lain yang boleh dibuat oleh guru dalam meningkatkan pencapaian murid-murid dan bukan hanya membiarkan murid-murid yang lemah mendapat gred yang tidak sepatutnya mereka dapat. Justeru itu, perkara ini tidak boleh menuding jari atau menyalahkan kepada guru sahaja. Sedangkan guru-gurulah yang banyak berusaha keras dan gigih dalam meningkatkan pencapaian murid dan menaikkan nama sekolah. Semua pihak sama ada guru, sekolah mahupun JPN hendaklah memandang serius akan perkara ini dan mengambil langkah penyelesaian agar tidak membebankan sebelah pihak yang lain.

Berdasarkan analisis skor min pengkaji dapat mengenalpasti faktor murid dapat menguasai jawi dalam kalangan murid tahun enam di Sekolah Kebangsaan Seri Duyong(SKSD). Merujuk kepada dapatan kajian dalam jadual 1 di bawah, didapati min keseluruhan faktor minat murid-murid dapat menguasai jawi adalah berada pada tahap sederhana iaitu sebanyak 3.60. Item saya minat belajar matapelajaran jawi berada pada tahap tinggi dengan skor min sebanyak 4.12. Antara item lain yang berada pada tahap tinggi yang mana cenderung meminati mata pelajaran jawi adalah saya minat menulis jawi(3.83), saya minat tulisan jawi(3.68), saya berminat untuk menulis jawi kerana ia unik dan mencabar(3.85) dan saya mempunyai keazaman untuk pandai menulis jawi(3.85). Manakala item yang berada pada tahap sederhana adalah saya mahir menulis jawi(3.61), saya suka baca bahan dalam tulisan jawi(3.67), dan saya sering melibatkan diri dalam pertandingan berkaitan penulisan jawi(2.69). Di antara ketiga-tiga item tersebut, item saya sering melibatkan diri dalam pertandingan berkaitan penulisan jawi dengan skor min 2.69 merupakan item paling rendah yang berada pada tahap sederhana.

Jadual 1: Maklumat responden bagi faktor penguasaan jawi(minat)

Bil	Faktor Penguasaan Jawi(Minat)	Min	Tafsiran Min
B1	Saya minat belajar matapelajaran Jawi	4.12	Tinggi
B2	Saya minat menulis jawi	3.83	inggi
B3	Saya minat tulisan jawi	3.68	Tinggi
B4	Saya mahir menulis jawi	3.61	Sederhana
B5	Saya suka baca bahan dalam tulisan jawi	3.67	Sederhana
B6	Saya sering melibatkan diri dalam pertandingan berkaitan penulisan jawi	2.69	Sederhana
B7	Saya berminat untuk menulis jawi kerana ia unik dan mencabar	3.85	Tinggi
B8	Saya mempunyai keazaman untuk pandai menulis jawi	3.85	Tinggi
	Min Keseluruhan	3.60	Sederhana

Seterusnya jadual 2 di bawah merupakan faktor sikap murid dalam menguasai jawi di kalangan murid tahun enam. Item yang berada pada tahap tinggi adalah rasa senang hati apabila guru tidak menyoal untuk menulis jawi(4.25) dan murid selalu bersikap endah tidak endah sewaktu guru mengajar(3.94). Seterusnya item yang berada pada tahap sederhana adalah penulisan jawi tidak penting pada zaman sekarang(2.79), tiada siapa berhak memaksa saya belajar jawi(2.75), tulisan jawi adalah susah dan merumitkan(2.67), jawi hanya digunakan pada zaman dahulu sahaja(2.67), sebagai seorang beragama Islam saya patut menguasai tulisan jawi(3.10) dan tiada beza sama ada tahu atau tidak menulis jawi(3.17). Skor min yang berada pada tahap paling rendah adalah item tulisan jawi adalah susah dan merumitkan(2.67) dan jawi hanya digunakan pada zaman dahulu sahaja(2.67). Min yang berada pada nilai rendah ini menunjukkan yang murid tidak bersetuju bahawa tulisan jawi adalah susah dan merumitkan dan jawi hanya digunakan pada zaman dahulu sahaja.

Jadual 2 : Maklumat responden bagi faktor penguasaan jawi(sikap)

Bil	Faktor Penguasaan Jawi(Sikap)	Skor Min	Tafsiran Min
B9	Penulisan jawi adalah tidak penting pada zaman sekarang	2.79	Sederhana
B10	Saya selalu bersikap endah tidak endah sewaktu guru mengajar	3.94	Tinggi
B11	Tiada siapa berhak memaksa saya belajar jawi	2.75	Sederhana
B12	Tulisan jawi adalah susah dan merumitkan	2.67	Sederhana
B13	Jawi hanya digunakan pada zaman dahulu sahaja	2.67	Sederhana
B14	Sebagai seorang beragama Islam saya patut menguasai tulisan jawi	3.10	Sederhana
B15	Rasa senang hati apabila guru tidak menyoal untuk menulis jawi	4.25	Tinggi
B16	Tiada beza sama ada tahu atau tidak menulis jawi	3.17	Sederhana
	Min Keseluruhan	3.17	Sederhana

Berdasarkan jadual 3 merupakan faktor motivasi murid dalam menguasai jawi di kalangan murid tahun enam. Berdasarkan tafsiran min didapati bahawa min yang berada pada tahap tinggi adalah item 22 iaitu murid berusaha belajar menulis jawi disebabkan rakan-rakan saya pandai menulis jawi(3.83). Seterusnya item yang berada pada tahap sederhana adalah saya mempunyai alat/media/perisian berkaitan tulisan jawi(3.67), sekiranya saya menyertai pertandingan menulis jawi, saya akan berusaha untuk memenanginya(3.67), guru menggunakan alat bahan bantu mengajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran(3.50), ibu bapa selalu mendorong saya supaya mempelajari jawi dengan sebaik mungkin(3.31) dan guru memberi galakan dan semangat untuk menulis jawi(2.75). Manakala skor min yang berada pada tahap rendah adalah murid mempunyai bahan bacaan jawi di rumah(2.26).

Jadual 3 : Maklumat responden bagi faktor penguasaan jawi(motivasi)

Bil	Faktor Penguasaan Jawi(Motivasi)	Skor Min	Tafsiran Min
B17	Saya mempunyai bahan bacaan jawi di rumah	2.26	Rendah
B18	Saya mempunyai alat/media/perisian berkaitan tulisan jawi	3.67	Sederhana
B19	Ibu bapa selalu mendorong saya supaya mempelajari jawi dengan sebaik mungkin	3.31	Sederhana
B20	Sekiranya saya menyertai pertandingan menulis jawi, saya akan berusaha untuk memenanginya	3.67	Sederhana
B21	Guru memberi galakan dan semangat untuk menulis jawi	2.75	Sederhana
B22	Saya berusaha belajar menulis jawi disebabkan rakan-rakan saya pandai menulis jawi	3.83	Tinggi
B23	Guru menggunakan alat bahan bantu mengajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran	3.50	Sederhana
	Min Keseluruhan	3.28	Sederhana

Hasil analisis min keseluruhan daripada ketiga-tiga faktor iaitu minat, sikap dan motivasi dalam menguasai jawi yang paling tinggi adalah faktor minat iaitu 3.60. Manakala yang paling rendah adalah faktor sikap iaitu 3.17. Ini menunjukkan faktor minat lebih cenderung dalam menguasai jawi di kalangan murid tahun enam. Manakala faktor sikap lebih cenderung dalam mengenalpasti kelemahan murid tahun enam Sekolah Kebangsaan Seri Duyong, Melaka. Berdasarkan daripada hasil dapatan bagi menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu "apakah faktor-faktor murid dapat menguasai jawidikalangan murid tahun enam Sekolah Kebangsaan Seri Duyong(SKSD)", dari faktor minat keseluruhan min yang berada pada tahap tinggi menunjukkan murid-murid amat meminati mata pelajaran jawi terutamanya dari segi tulisan jawi itu sendiri dan murid mempunyai keazaman untuk pandai menulis jawi pada masa akan datang. Hal yang sedemikian tidaklah membimbangkan pihak sekolah kerana murid itu sendiri bersungguh, bertekad dan berazam untuk memajukan diri dalam mata pelajaran jawi.

Hasil dapatan dari segi faktor minat yang berada pada tahap sederhana yang paling rendah iaitu saya sering melibatkan diri dalam pertandingan berkaitan penulisan jawi dengan skor min 2.69. Ini menunjukkan murid kurang berminat dengan aktiviti ilmiah berkaitan dengan penulisan jawi yang biasa diadakan di setiap sekolah, daerah atau pun peringkat negeri. Aktiviti ilmiah merupakan aktiviti luar bilik darjah yang diadakan dalam program agama atau J-Qaf bertujuan untuk mengasah bakat murid-murid dalam bidang agama bagi melahirkan modal insan yang berpekeriti mulia, berwibawa dan berketramplan. Hasil daripada dapatan kajian ini menunjukkan murid kurang berminat atau cenderung untuk memasuki mana-mana pertandingan jawi. Mungkin atas faktor kurangnya pendedahan atau galakan daripada guru-guru atau tahap kebolehan dan keyakinan yang rendah dalam diri murid-murid. Kesemua faktor tersebut adalah bergantung kepada guru dalam mencorakkan murid-murid daripada umur tujuh tahun lagi. Guru-guru hendaklah membimbing dan proaktif dalam membangunkan murid-murid agar pencapaian murid dalam bidang akademik selari dengan pencapaian dalam bidang agama.

Seterusnya dari segi faktor sikap, daripada hasil dapatan kajian menunjukkan murid masih lagi menganggap bahawa jawi mudah dan tidak merumitkan jika ia dipelajari dengan bersungguh- sungguh. Ini adalah berikutan daripada skor min yang paling rendah iaitu 2.67. Selain daripada itu skor min yang setara dengan item tersebut adalah murid tidak bersetuju bahawa jawi digunakan pada zaman dahulu. Jika dinilai dan diteliti berkaitan dengan media semasa pada zaman sekarang, terdapat majalah, iklan, banner, papan kenyataan dan sebagainya yang masih lagi menggunakan tulisan jawi. Pengeluarannya masih ada tapi mungkin terhad disebabkan pengaruh membeli daripada masyarakat itu sendiri.

Sikap murid yang mempunyai nilai skor min yang berada pada tahap tinggi adalah murid berasa senang hati apabila guru tidak menyoal untuk menulis jawi(4.25). Pada pendapat pengkaji, rata-rata dari sikap tersebut dimiliki oleh setiap murid iaitu berasa senang hati apabila guru tidak menyoal untuk menulis jawi. Jadi adalah menjadi tanggungjawab guru untuk mempelbagaikan lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran agar murid-murid seperti ini tidak leka dan ketinggalan dalam mata pelajaran jawi. Kepandaian dan proaktifnya seseorang murid adalah bergantung kepada guru dalam mencorakkan masa depan murid-murid. Motivasi merupakan elemen yang paling penting dalam meningkatkan keyakinan dan keupayaan sendiri murid terutamanya dalam pendidikan. Penerapan nilai-nilai motivasi di kalangan guru kepada murid seperti sokongan, galakan dan semangat akan melahirkan murid-murid yang serba boleh dan aktif di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Berikutan daripada dapatan kajian dari segi faktor motivasi, item yang berada paling tinggi iaitu murid berusaha belajar menulis jawi disebabkan rakan-rakan saya pandai menulis jawi(3.83). Item tersebut lebih menjurus kepada faktor rakan sebaya di dalam kelas. Di dalam pembelajaran, secara

normalnya, murid akan sentiasa berusaha untuk menyaingi rakan yang lebih bijak dan cerdik daripadanya. Jadi adalah menjadi satu keperluan bagi guru-guru untuk mencampur murid-murid yang mempunyai tahap pencapaian yang berbeza di dalam satu kelas yang sama agar faktor persaingan rakan sebaya yang sihat ini dapat diwujudkan. Murid akan lebih bersemangat, aktif dan sentiasa ingin maju ke hadapan untuk meningkatkan pencapaian dalam penguasaan jawi. Manakala item yang paling rendah dalam faktor penguasaan dari segi motivasi iaitu saya mempunyai bahan bacaan di rumah mencatatkan nilai skor min sebanyak 2.26. Hasil dapatan nilai min ini menunjukkan bahawa nilai dan sokongan dari ibu bapa adalah kurang. Hal ini kerana ibu bapa tidak memberi pendedahan dan galakan kepada murid-murid seperti membeli majalah, surat khabar, buku rujukan, buku ilmiah dan sebagainya kepada murid-murid berkaitan dengan bahan bacaan jawi. Pengkaji tidak hanya menuding jari kepada ibu bapa sahaja kerana mungkin banyak sebab atau alasan tertentu yang tidak diketahui. Antaranya dari segi faktor ekonomi, terdapat sesetengah ibu bapa mampu untuk memberi bahan bacaan jawi dan ada juga yang tidak mampu. Justeru itu, ibu bapalah yang bertanggungjawab mendidik dan mencorakkan masa depan yang terbaik untuk anak-anak. perbezaan yang signifikan faktor penguasaan jawi mengikut jantina. Ujian t pada tahap alfa (0.05) digunakan untuk menganalisis perbezaan min antara kedua-dua pembolehubah tersebut. Perbezaan penguasaan jawi mengikut jantina lelaki dan perempuan dilihat dari ketiga-tiga faktor iaitu minat, sikap dan motivasi. Hasil daripada analisis data yang diperolehi menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan yang signifikan dalam penguasaan jawi oleh murid lelaki dan murid perempuan. Berikut merupakan nilai $t=0.626$ manakala nilai signifikan 0.534 iaitu lebih besar dari 0.05. Oleh itu dapat dibuat kesimpulan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan faktor penguasaan jawi mengikut jantina lelaki atau perempuan.

Jadual 4 : Perbezaan faktor penguasaan jawi mengikut jantina

Faktor	N	Min	Sisihan piawai	Darjah kebebasan(df)	T	Signifikan
Lelaki	28	3.57	0.310	70	0.626	0.534
Perempuan	44	3.62	0.352			

V. Kesimpulan

Usaha pihak Kementerian Pelajaran Malaysia samada pihak Jabatan Pendidikan Islam dan Moral peringkat kementerian, Jabatan Pelajaran Negeri, Bahagian Pendidikan Guru dan sekolah dalam merealisasikan idea YAB Perdana Menteri Malaysia amatlah membanggakan kerana dalam tempoh kebelakangan ini program j-QAF dijalankan, banyak kejayaan yang dicapai terutama dalam pelaksanaan pembelajaran jawi yang diharap dapat membantu murid yang tercicir dalam mengenal tulisan jawi. Secara langsungnya akan dapat memartabatkan tulisan jawi sebagai tulisan Melayu di nusantara. Maka warisan bangsa ini akan kekal selamanya sebagai satu kebanggaan keturunan masyarakat Melayu akan datang. Pengkaji juga berharap pada masa akan datang, terdapat kajian-kajian lain dibuat berkaitan dengan model-model program j-QAF dalam pelbagai aspek dengan lebih mendalam lagi supaya pengetahuan warga negara Malaysia tentang program j-QAF inidapat ditingkatkan. Kajian ini hanya sebagai tinjauan umum dalam kalangan murid tahun enam di Sekolah Kebangsaan Sri Duyong Melaka sahaja dan tidak dapat digeneralisasikan kepada tempat-tempat lain. Maka harapan pengkaji, jika terdapat penyelidikan yang lain tentang pembelajaran jawi ini, beberapa pembaikan perlu diusahakan agar kajian tersebut dapat diteruskan dari semasa ke semasa.

Rujukan

1. Abdullah Ali Hassan. (1980). The development of Islamic Education in Kelantan dalam *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: United Selangor.
2. Abdul Ghafar, M. N. (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Universiti Teknologi Malaysia.
3. Hamed, Z. (2000). "Teknik Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan". PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.
4. Norhawati Salimuddin (2000). "Penyelidikan Pendidikan". Edisi Pertama. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
5. Shazana Muhamed Sa'ad (2009). "Kesan Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Di Kolej Komuniti Gerik." Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
6. Syed Naquib al-Attas (1990). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia.
7. Wiersma, M. W. (1995). "Research Methodology In Education". 5th ed. New York:Printice Hall.

